

MAHATHIR-AIROD

(1)

1981

KUALA LUMPUR, 22 OKT. (BERNAMA) — DEPOH BAIKPULIH TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (AIROD) DI SUBANG, DEKAT SINI BERPOTENSI MENJADI PUSAT PERUSAHAAN PENÉRBANGAN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

DEPOH TERSEBUT MEMPUYAI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG BAIK DAN MAMPU MENJADI SEBUAH PUSAT SEUMPAMA ITU JIKA DIGUNAKAN SEPENUHNYA, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT DEPOH ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN BERKATA PADA MASA INI AIROD MEMPUYAI KEUPAYAAN SAMA SEPERTI DEPOH-DEPOH KAPALTERBANG DI KOREA SELATAN DAN TAIWAN.

KATANYA DENGAN KEMUDAHAN SOFISTIKATED DI AIROD, MALAYSIA BOLEHLAH MENCEBUR DIRI DALAM PENGKHUSUSAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SERVIS DAN BAIKPULIH PESAWAT.

SEMAKIN MALAYSIA MENDALAMI BIDANG PENGKHUSUSAN ITU, RANCANGAN PERTUKARAN PARA PAKAR DAN PENGETAHUAN TEKNIK BOLEH DIADAKAN DI KALANGAN NEGARA DI RANTAU INI, TAMBAHNYA.

— BERSAMBUNG 1725/SZ

B581

MAHATHIR-AIROD 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KERAJAAN TELAH MENANDAKAN KAWASAN SELUAS 200 EKAR BAGI RANCANGAN PEMBESARAN AIROD.

SELARAS DENGAN RANCANGAN PEMBESARAN ANGKATAN TENTERA, AIROD AKAN MELATIH LEBIH RAMAI KAKITANGAN, KATANYA.

BELIAU BERKATA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI DEPOH TERSEBUT JUGA AKAN DIGUNAKAN OLEH JABATAN-JABATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA DARI SEGI PELABURAN AIROD TELAH MENJIMATKAN TUKARAN WANG ASING BAGI NEGARA KERANA PESAWAT-PESAWAT DIBAIKPULIH DAN DISERVIS DALAM NEGERI.

BELIAU JUGA MENEKANKAN BETAPA PERLUNYA KAKITANGAN YANG BERKHIDMAT DENGAN AIROD BERDEDIKASI DAN BERTEKUN.

— BERSAMBUNG 1727/SZ

MAHATHIR-AIROD 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENGELUARAN BARANG-DARANG GANTIAN PESAWAT, BELIAU BERKATA PADA MASA INI TIDAK MENGUNTUNGAN UNTUK MENDIRIKAN INDUSTRI SEPERTI ITU DI NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN, DALAM MENIMBANGKAN PROJEK SEUMPAMA ITU MALAYSIA TIDAK HANYA AKAN MENINJAC KEPERLUAN TEMPATAN SAHAJA TETAPI JUGA UNTUK TUJUAN EKSPORT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA LAPORAN MENGENAI PEMBELIAN PESAWAT-PESAWAT BAGI TUDM SEDANG DIKAJI DAN BUTIR-BUTIRNYA AKAN DIUMUMKAN SECEPAT MUNGKIN. — BERNAMA

1730/SZ